

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PUSPANITA
Lokasi : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA, BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-07-1989

Yang Berbahagia Puan Sri Datin Hafsa bte Hj. Nasir, Yang Di-Pertua PUSPANITA; Dif-Dif Kehormat;
Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama pada hari yang
berbahagia ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PUSPANITA yang telah menjemput saya
untuk merasmikan Mesyuarat Majlis Tertinggi PUSPANITA pada hari ini.

Puan-puan sekalian,

2. Sungguhpun saya berhasrat untuk menghadiri setiap jemputan daripada PUSPANITA tetapi di atas
sebab-sebab tertentu saya tidak dapat menunaikan hasrat tersebut. Walau bagaimanapun saya sentiasa
mengikuti perkembangan dan aktiviti PUSPANITA melalui Berita PUSPANITA dan Laporan Tahunan
PUSPANITA.

3. Saya berbangga melihat PUSPANITA telah berjaya memperkukuhkan kedudukannya sebagai
persatuan yang dianggotai oleh para isteri Pegawai Kerajaan dan anggota wanita dalam perkhidmatan
Kerajaan yang kini berjumlah lebih kurang 16,700 orang di seluruh negara. Saya difahamkan
PUSPANITA telah melewati fasa pertama pembangunannya pada 1 Mac 1988 dan pada tahun lalu
program kerja lima tahun yang kedua bagi tahun 1988-1993 telahpun digubal. Syabas kepada
PUSPANITA kerana dalam Rancangan Lima Tahun Pertama, PUSPANITA telah mengadakan berbagai
program dan aktiviti yang membina di peringkat kebangsaan dan cawangan. Dengan adanya buku
Program Kerja Lima Tahun bagi tempoh 1988-1993 yang siap dijilid PUSPANITA akan dapat memberi
panduan kepada ahli-ahlinya di semua cawangan cara-cara meningkatkan aktiviti mereka supaya lebih
positif dan berkesan.

4. Untuk membolehkan tiap-tiap persatuan berjalan dengan baik dan berkesan jentera pentadbirannya
haruslah diperkukuhkan lagi. Dalam hal ini PUSPANITA telah mengambil langkah yang baik dengan
menjalankan Kursus Kepimpinan untuk pengerusi-pengerusi yang baru dan kursus untuk setiausaha dan
bendahari. Seperti puan-puan sedia maklum peranan pengerusi adalah amat penting untuk memimpin
dan menggerakkan ahli-ahlinya supaya lebih bergiat dalam aktiviti persatuan. Pengerusi tidak dapat
menjalankan tugasnya dengan lancar sekiranya setiausaha cawangannya tidak cekap dan tidak tahu
peranan mereka yang sebenar.

Dengan mendedahkan pengerusi dan pemegang jawatan-jawatan terpenting dalam persatuan kepada
kursus yang berkaitan dengan tugas masing-masing, kefahaman tentang perlunya komunikasi dan
interaksi yang berterusan di antara pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa kerjanya akan dapat
diwujudkan.

Dengan cara demikian saya yakin PUSPANITA akan terus maju dalam semua kegiatannya sekiranya
ahli-ahlinya dapat bergerak secara berpasukan.

Puan-puan sekalian,

5. Saya juga amat tertarik dengan beberapa program kemajuan dan kesejahteraan diri ahli yang
dijalankan oleh PUSPANITA di peringkat kebangsaan dan cawangan. Pelbagai program yang dijalankan
oleh PUSPANITA untuk memberi peluang kepada ahli-ahlinya untuk menambahkan ilmu pengetahuan,
bergaul mesra, bertukar-tukar pendapat dan memberi keyakinan kepada ahli-ahli, terutama para suri,

bahawa mereka juga boleh mengambil bahagian yang aktif dalam mewujudkan suasana kekitaan dan kekeluargaan dalam persatuan.

6. Saya bangga dengan usaha PUSPANITA menjalankan kursus kemajuan diri di peringkat cawangan untuk melengkapkan ahli- ahlinya, terutama isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan tentang peranan mereka sebagai isteri anggota Kerajaan yang berjawatan tinggi. Kursus seperti 'Personal Grooming' dan 'Social Etiquette' amat penting kerana ianya dapat membantu para isteri untuk menjaga imej sebagai isteri pegawai kanan melalui pakaian yang sesuai dan kemas, tingkah laku dan pertuturan yang tertib di samping mempunyai keyakinan diri apabila berada di khalayak ramai. Ceramah seperti 'Pengurusan Stress' pula dapat membantu ahli-ahli menikmati ketenangan jiwa apabila menghadapi cabaran sosial.

7. Program-program ke arah membantu meningkatkan prestasi dan imej perkhidmatan awam dan ke arah menyokong pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan telah juga diadakan untuk manfaat ahli- ahli PUSPANITA. Aktiviti-aktiviti seperti pengurusan masa dan perhubungan awam dapat membantu ahli-ahli yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Kerajaan meningkatkan kecekapan dan kecekapan dan produktiviti kerja mereka di samping meninggikan lagi tahap profesionalisma dalam pentadbiran awam. Program untuk isteri-isteri seperti ceramah, seminar, lawatan sambil belajar, tayangan video atau filem dijalankan dari semasa ke semasa untuk memberi kefahaman kepada golongan isteri tentang peranan dan fungsi jentera Kerajaan daripada segi pentadbiran awam. Ini akan memberi kesedaran serta kefahaman kepada para isteri mengenai tugas suami masing-masing. Di peringkat kebangsaan PUSPANITA dengan kerjasama INTAN mengadakan ceramah bersiri untuk mendedahkan pengerusi-pengerusi cawangan kepada dasar- dasar utama Kerajaan dengan tujuan supaya pengetahuan ini dapat disebarikan seluas-luasnya kepada ahli PUSPANITA di seluruh negeri dan cawangan.

8. Saya turut berbangga di atas inisiatif PUSPANITA menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyokong dasar Kerajaan. Kita semua maklum ada di antara dasar-dasar Kerajaan yang boleh dihayati dan diamalkan oleh kita semua. Maksud saya, sebagai ibu, kita boleh membimbing dan mendidik anak-anak kita supaya menjauhi diri daripada najis dadah dan membina nilai-nilai positif seperti gemar membaca dan bersukan.

9. PUSPANITA telah banyak menjalankan aktiviti-aktiviti yang menentang penagihan dadah. Lanjutan daripada bengkel penglibatan anggota perkhidmatan awam dan keluarga dalam pencegahan dadah anjuran bersama PUSPANITA/MKSAK pada bulan April 1986, beberapa cawangan PUSPANITA telah menjalankan aktiviti susulan seperti mengadakan seminar, pameran dan sebagainya. Program-program sampingan telah dijalankan untuk mendidik anak-anak remaja supaya tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur yang kurang sihat dan bagi tujuan ini beberapa cawangan telah mengadakan perkhemahan remaja. Dua cawangan di peringkat kementerian telah menubuhkan pusat sumber, khusus untuk anak-anak ahli.

10. Saya merasa gembira kerana PUSPANITA telahpun mengadakan Kem Membaca yang disertai oleh anak-anak ahli beserta ibu-ibu mereka. Ada juga cawangan yang sedang menyediakan garis panduan untuk menggalakkan ahli-ahli mewujudkan sudut buku di rumah mereka. Semua kegiatan ini amatlah membanggakan dan patut diberi sokongan oleh semua pihak yang terlibat.

Puan-puan sekalian,

11. Di samping program-program yang membawa faedah kepada ahli-ahlinya, PUSPANITA juga menjalankan kegiatan kebajikan, seperti Institusi Angkat bagi cawangan kementerian, bantuan amal dan sumbangan ikhlas kepada mereka yang kurang bernasib baik. Kegiatan seperti ini adalah digalakkan kerana tiap- tiap persatuan sukarela boleh membantu Kerajaan setakat yang termampu untuk membela rakyat yang miskin dan kurang bernasib baik.

12. Akhir kata, saya ingin menyeru kepada ahli-ahli PUSPANITA supaya mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang telah dirancang. Penyertaan dan penglibatan puan- puan sekalian akan menjamin kejayaan dan masa depan PUSPANITA. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Majlis Tertinggi PUSPANITA dan berharap ia mencapai kejayaan. Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.